

**MINIT MESYUARAT
MESYUARAT PANITIA MATEMATIK**

Bil Mesyuarat	: 2	Tahun: 2022
Tarikh	: 25 Julai 2022 (Isnin)	
Masa	: 1.40 petang – 4.00 petang	
Tempat	: ACM	

Hadir

1. **Ketua Panitia Matematik** - **Pengerusi**
(Pn. Suzeta binti Mat)

2. **Ahli Panitia Matematik** - **Setiausaha**
En. Mohd Azmi Bin Shapie
En. Sayed M. Nuzaihan Bin Sayed M. Noor
Pn. Maznah Binti Ramli
Pn. Alia Armiza Binti Razif
Pn. Nur Ismaniza Binti Idris
Pn. Nurulain Binti Sobry
Pn. Nur Syafiqah Binti Tajuddin

Turut Hadir: En. Ghazail bin Che Harun – **PKK SK Kelibang**

3. **Tidak hadir bersebab:**
1. Pn. Solehah Binti Shuib
2. En. Muhammad Naim bin Sobri

I. PERUTUSAN Pengerusi

1. Terima kasih kepada semua ahli panitia yang dapat hadir ke mesyuarat panitia matematik kali ke-2 pada hari ini.
2. Pengerusi juga mengalu-alukan kedatangan Penolong Kanan Pentadbiran selaku Penasihat Panitia untuk mesyuarat kali ini.
3. Penasihat mengucapkan terima kasih kepada semua ahli panitia yang hadir. Diharapkan semua guru dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada PEKA3M supaya dapat membantu murid-murid untuk menguasai kemahiran asas dalam matematik. Tambahan juga, semoga guru-guru dapat bekerjasama menggembelng tenaga untuk memastikan bilangan murid PEKA3M makin berkurang dan Sekolah Kelibang terus cemerlang.

II. MEMBENTANG DAN MENGESAH MINIT MESYUARAT LALU

4. Dijemput cikgu Mohd Azmi Bin Shapie, selaku setiausaha Panitia Matematik untuk membentang minit lalu.
5. Cikgu Nur Syafiqah binti Tajuddin mencadangkan minit mesyuarat disahkan dan disokong oleh Cikgu Nur Ismaniza binti Idris

III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

6. Bengkel Pentaksiran PDP kali pertama telah berjaya dilaksana (Perkara 9.3.1.1 dalam mesyuarat lepas). Tahap 2 akan dilaksanakan bulan September, selepas cuti penggal kedua.

Tindakan: Makluman

7. Perkara 11.2 (Pintas) akan ditambah baik setelah diberi tapak baharu.

Tindakan: Ketua Panitia

IV. LAPORAN/ PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

8. Analisis Ujian 1

- 8.1. Terima kasih dan tahniah kepada semua cikgu telah berjaya melengkapkan markah ujian 1.
- 8.2. Berikut adalah [analisis](#) (sila klik disini) keputusan ujian 1. Bilangan murid yang Belum Mencapai Tahap Minimum (BMTM) seperti di bawah (TP selebihnya boleh rujuk [graf](#)).
- 8.3. Semua guru mata pelajaran perlu menyatakan isu dan intervensi pada pautan yang disediakan ; [rujuk disini](#)

TP 1 - seramai 108 orang murid

TP 2 - seramai 158 orang murid

Tindakan: Makluman

9. TS25

- 9.1. TS25 bermaksud Transformasi Sekolah 25, Sekolah Kelibang adalah kohort ke 6 bermula 12hb April 2021. [Rujuk link TS25.](#)

10. PBD

- 10.1. Selari dengan kenyataan media KPM yang terbaru, murid tahap 2 selepas ini akan menjalani Ujian Akhir Sesi Akademik menggantikan peperiksaan akhir tahun.
- 10.2. Ujian ini dijalankan sebanyak 6 kali dimana 3 kali semasa di sekolah rendah dan 3 kali di sekolah menengah sebelum mereka menempuh SPM (PT3 juga akan dibatalkan). Ujian ini juga akan digunapakai sebagai keputusan yang akan melayakkan murid ke sekolah menengah pilihan mereka selepas tamat Tahun 6
- 10.3. Subjek yang terlibat dalam sesi ujian ini ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

10.4. Instrumen yang diguna dalam ujian ini ialah Aplikasi Pengumpulan dan Pemasangan APPI (lima orang guru akan dipilih mengikut subjek ujian dan sekolah yang terlibat akan dihubungi oleh unit peperiksaan PPD untuk urusan pengumpulan kertas soalan.)

10.5. Terima kasih Cikgu Maznah, penyelaras PBD atas perkongsian maklumat terkini. Sekiranya para guru ingin membaca maklumat berkaitan Ujian Akhir sesi Akademik dengan lebih lanjut, boleh rujuk link yang disediakan di sini ([Ujian Akhir sesi Akademik](#))

Tindakan: Makluman

11. PlaN

11.1. Bilangan murid terlibat PLaN – Numerasi

Tahun 2 - 30 orang

Tahun 3 – 35 orang

Tahun 4 - 37 orang

Tahun 5 - 8 orang

Tahun 6 - 1 orang

11.2. Jumlah keseluruhan 111 orang murid. Modul PEKA3M telah berjaya disiapkan dan akan digunapakai pada sesi kelas PEKA3M akan datang. Murid yang terpilih akan hadir ke kelas tersebut sehingga habis modul yang dijalankan. Murid tersebut akan menjalani ujian secara formatif/sumatif (bergantung kepada perbincangan dengan pentadbir) untuk menunjukkan mereka melepasi PEKA3M.

11.3. Terima kasih diucapkan kepada Penyelaras PlaN – Cikgu Syafiq.

Tindakan: Makluman

12. PLC / LDP

12.1. Alhamdulillah, PLC telah dilaksanakan dua kali pada 11.5.2022 dan 23.6.2022.

12.2. LDP panitia telah dilaksanakan sekali. (Bengkel Pentaksiran Dalam Pdp Dan Pembinaan Instrumen Pentaksiran Bilik Darjah Bil 1 Sesi 2022/2023).

Tindakan: Makluman

13. Kewangan

13.1. Baki kewangan hingga 24.7.2022 ialah RM 980.

13.2. Cadangan untuk membeli protractor sebanyak 60 unit dan kertas graf/gred segi tiga untuk kegunaan murid tahun 6 semasa PdPc.

13.3. Ketua Panitia juga akan membuat belian 1 dekak-dekak supaya dapat digunakan oleh guru-guru semasa sesi PdP nanti.

Tindakan: Ketua Panitia

v. HAL-HAL LAIN

14. Dalam PdPc, para guru diminta memasukkan elemen KBAT iaitu salah satunya ialah peta i-Think. Penggunaannya mengikut keperluan pengajaran guru-guru.

Tindakan: Makluman

15. PLC - Semakan buku latihan/lembaran atau buku aktiviti murid (sekurang-kurang 6 buah yang berlainan tahap penguasaan murid). - akan disemak oleh Ketua Panitia.

Tindakan: Makluman

16. Pemurnian pelan strategik - masukkan program jaringan komuniti dan peningkatan kualiti guru. Cadangan program jaringan komuniti - ibu bapa terlibat dalam gotong-royong menghias sekolah (nanti akan dibincangkan semula dibincangkan).

Tindakan: Ketua Panitia

17. Markah ujian 1 bukan faktor untuk menentukan TP pertengahan sesi akademik.

VI. PENUTUP.

18. Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua jawatankuasa kerana dapat hadir.
19. Mesyuarat kali ketiga akan diadakan pada tahun depan.
20. Mesyuarat ditangguhkan pada jam petang 3.50 petang.

DRAF

SKK. 600 - 3/2/6 (41)

LAMPIRAN 1

AGENDA MESYUARAT PANITIA MATEMATIK BIL 2 TAHUN 2022/2023

1. Aluan Pengerusi
2. Membentang dan mengesahkan minit mesyuarat lalu
3. Perkara- perkara berbangkit
4. Pelaporan Aktiviti
 - 4.1. Analisis ujian 1
 - 4.2. TS25
 - 4.3. PBD
 - 4.4. PLaN – Numerasi
 - 4.5 PLC/LDP
 - 4.6. Kewangan panitia
5. Hal-hal lain
6. Penutupan